

PERBARISAN PERSARAAN MEJ JEN DATO' ABDUL MANAF

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4698-perbarisan-persaraan-mej-jen-dato-abdul-manaf

SUBANG, 22 Mac 19 – Mej Jen Dato' Abdul Manaf bin Md Zaid TUDM yang akan bersara dari perkhidmatan telah diraikan dalam satu istiadat perbarisan yang berlangsung di Pangkalan Udara Subang hari ini.

Istiadat perbarisan sempena persaraan beliau ini terbahagi kepada tiga Flait yang melibatkan 11 orang pegawai dan 145 anggota LLP diketuai oleh Mej Kamarul Azlan bin Kamarulzaman TUDM. Istiadat seterusnya diakhiri dengan upacara ‘Send-off’ dengan menggunakan kenderaan istiadat.

Turut hadir di istiadat perbarisan pada hari ini adalah Timbalan Panglima Tentera Udara, Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM bersama pegawai-pegawai Kanan TUDM, pegawai-pegawai dan anggota dari pelbagai ketukangan dari sekitar Lembah Klang.



